

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 JUN 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Manfaat program khatan	Berita Harian
2.	Jabatan Meteorologi nafi Sabah akan dilanda gempa susulan	BERNAMA
3.	Pusat khas pantau gempa bumi	Kosmo
4.	Kemungkinan serpihan satelit Jepun menimpa Malaysia hanya dua peratus	Kosmo
5.	Satelit jatuh ke Bumi hari ini	Kosmo
6.	Malaysia dapat tumpuan di ACHEMA 2015 Frankfurt	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN : MUKA SURAT 16
TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

Manfaat program khatan

» Tiga beradik hilang rasa takut hasil pujukan ibu bapa



* Oleh Norizzah Baharudin
bhnews@bh.com.my

► Melaka

Cuti dua minggu baru-baru ini dimanfaatkan pelbagai pihak dengan aktiviti kemasyarakatan, antaranya menganjurkan program berkhatan beramai-ramai di Sekolah Kebangsaan Ulu Bertam, di sini.

Program anjuran Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu sempena cuti sekolah itu dirasmikan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu, **Datuk Dr Abu Bakar Md Diah**.

Hadir sama, Pemangku Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan

Guru (PIBG) SK Bertam Ulu, Johari Ahmad Saleh.

Cemburutengok rakan berkhatan

Tiga adik-beradik adalah antara 16 peserta yang menjayakan program berkenaan.

Muhammad Rusydi Annuar, 11, berkata sifat cemburutengok terhadap rakan lain yang sudah melalui saat mendebaran itu memberi kekuatan kepada dia dan dua lagi adiknya, Muhammad Rizqil, 9, dan Muhammad Rizqi, 8, untuk menyertai program berkenaan.

Muhammad Rusydi berkata, pada awalnya, dia berasa gelisah, namun mampu mengawal perasaan takut kerana tidak mahu lagi disindir rakan sekelas, malah masih sempat menyakat dua adiknya yang ketakutan menung-



Abu Bakar Md Diah

gu giliran.

"Memang ada rasa takut apabila lihat rakan lain yang menjerit dan menangis di bilik berkhatan. Kami bernasib baik kerana ayah dan ibu sentiasa memujuk mengatakan sakit hanya sedikit

dan akan sembuh cepat," katanya ketika ditemui pada majlis itu.

Tiga beradik sukat menyakat
Ibu kepada tiga beradik yang bersekolah di Sekolah Rendah Arab Batang Tiga Timur, Ida Masura Zakaria, 38, berkata dia dan suami, Annuar Abd Rashid, 48, mendaftarkan ketiga-tiga anak mereka untuk berkhatan.

"Mereka bertiga ini gemar sakat-menyakat antara satu sama lain dan selepas berbincang, kami mahukan ketiga-tiganya dikhatarkan serentak," katanya.

Sementara itu, Johari berkata, program tahunan bermula sejak tahun 2009 itu terus mendapat sokongan daripada semua pihak, terutama ibu bapa.

"Kita menggalakkan lebih ramai ibu bapa menyertai program



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti menginggahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my

“
Memang ada rasa takut apabila lihat rakan lain menjerit dan menangis di bilik berkhatan.

Kami bernasib baik kerana ayah dan ibu sentiasa memujuk mengatakan sakit hanya sedikit dan akan sembuh cepat”

**Muhammad Rusydi Annuar,
Peserta program**

berkenaan. Aktiviti sedemikian bukan sekadar mengerakkan hubungan kemasyarakatan, malah merapatkan kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa,” katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 JUN 2015 (RABU)



Jabatan Meteorologi Nafi Sabah Akan Dilanda Gempa Susulan

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi** hari ini menafikan khabar angin bahawa Sabah akan dilanda gempa bumi susulan dalam masa terdekat.

Menurut kenyataan jabatan itu, tiada sebarang kenyataan dikeluarkan pihaknya mengenai gempa bumi susulan dengan magnitud 5.9 hingga 7 skala Richter bakal berlaku di Sabah sekitar pukul 9 hingga 12 tengah malam.

Menurut jabatan itu, untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://www.met.gov.my>, mobile web rasmi m.met.gov.my atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, boleh juga hubungi MetMalaysia hotline di talian 1300 22 1MET (1638) atau Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional di talian 03 79678065.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

Ironaalam

Pusat khas pantau gempa bumi

Selain di Sabah, kawasan Semenanjung Malaysia turut berisiko dengan kejadian gempa bumi.

la berikutkan kejadian gempa bumi lemah 4.2 skala Ritcher pernah berlaku di garis besar Bukit Tinggi, Pahang pada tahun 2009.

KESAN gegeran gempa bumi 5.9 skala Ritcher telah menyebabkan keretakan pada infrastruktur sekitar kawasan terjejas.

TAMAR Kinabalu ditubuhkan untuk aktiviti berkaitan kerusakan yang berlaku akibat gempa bumi.

SALAH seorang ahli pasukan penyelamat menyediakan kelengkapan untuk matal mencari dan menyelamat mangsa gempa bumi.

OPERASI penyelidikan dilakukan bagi mencari mangsa tragedi gempa bumi Gunung Kinabalu.

TANPA dihaga, bumi Sabah bergerang selepas berlatar gegeran terkuat sehingga mengorbankan nyawa terutama kumpulan pendakи di Gunung Kinabalu. Sehingga hari ini, berita mengenai gegeran sekuat 5.9 skala Ritcher itu masih lagi menjadi isu utama negeri penduduk Sabah dan mengajas 12 bandar negri di bawah bayu itu.

Kejadian yang tidak dijangka itu telah membawa mati banyak pihak berkuasa Malaysia hini atau negara yang bakal terdekol dengan beratnya alam pada masa akan datang.

Menurut Pengarah Bahagian Pembangunan Teknikal, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Wan Azli Wan Hassan, walaupun Malaysia berada di luar kawasan Lingkaran Api Pasifik, tiada jaminan bahawa kejadian seperti gempa bumi tidak akan berlaku.

"Kedudukan negara khususnya negeri Sabah terletak berhampiran dengan kawasan lingkaran api tersebut. Kejadian gempa bumi yang berlaku menunjukkan bahawa wujudnya garis-garis besar aktif dan terdapat pengaruh."

"Oleh itu, dijangkakan terdapat sedikit pengaruh daripada kesan gempa bumi berskala dragi

yang berlaku di lingkaran api berkenaan dan menyasarkan ke garis besar di Malaysia," katanya.

Tambahnya, selain di Sabah, kawasan Semenanjung Malaysia turut berisiko untuk terdekol dengan kejadian gegeran bumi. Ia berikutan kejadian gempa bumi lemah 4.2 skala Ritcher yang pernah berlaku di garis besar Bukit Tinggi, Pahang pada tahun 2009.

Pelancang bogel

Di sebalik kejadian yang berlaku pada skala 7.5 pagi 5 Jun 2015, kira-kira 16 kilometer dari kota laut Ranau itu terdapat beberapa spekulasi yang timbul terutamanya berkaitan kontroversi nisai pelancang bogel di atas Gunung Kinabalu.

Tidak monadik amalan keperluan dan pantang larang masyarakat, pandangan sains juga perlu diambil kira sebagai garis panduan dan persediaan pada masa akan datang.

Peralatan seperti seismometer boleh membantu mengesan dan memberi amaran gegeran di peringkat awal.

Ramalan gempa bumi bakal berlaku lebih kerap di negara ini berikutan Lingkaran Api Pasifik telah mendekati Malaysia, cadangan menjadikan pusat khas untuk memantau gempa bumi merupakan langkah yang perlu dilaksanakan.

Mengulas tentang cadangan itu, Wan Azli memberitahu, langkah tersebut mampu untuk meningkatkan dan meagoptimumkan penyampaian maklumat gempa secepat mungkin kepada umum.

"Malah, antara tujuh puncak tertinggi di Gunung Kinabalu, Donkey's Ear Peak turut terkena sahaja ia dilaporkan patil kesan gempa yang melanda."

ANTARA mangsa yang terkorban akibat gempa bumi di Gunung Kinabalu.


PASUKAN penyelamat menyelamat mangsa gempa bumi yang berlaku di Laban Rata.

Kemungkinan serpihan satelit Jepun menimpa Malaysia hanya dua peratus

ORANG ramai diminta tidak panik apabila serpihan Satelit Misi Mengukur Hujan Tropika (TRMM) milik Jepun jatuh ke Bumi hari ini kerana kemungkinan untuk ia menimpa Malaysia hanya dua peratus.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad berkata, kebanyakan bahagian satelit milik Jepun sebesar sebuah bas itu akan terbakar selepas ia memasuki atmosfera Bumi kecuali komponen kecil yang diperbuat daripada titanium.

LAPORAN DI MUKA 3



INILAH Satelit Misi Mengukur Hujan Tropika milik Jepun yang dijangka jatuh ke Bumi hari ini.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

TRMM yang dilancarkan 17 tahun lalu dijangka berkecai apabila masuk atmosfera

Satelite jatuh ke Bumi hari ini

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR - Sebuah satelite berusia 17 tahun yang ditamatkan perkhidmatannya oleh Pentadbiran Aero-nautik dan Angkasa

Lepas Kebangsaan (NASA) sejak April lalu dijangka jatuh ke permukaan Bumi hari ini.

Menurut laman web rasmi NASA, Rangkaian Pengawasan Angkasa Amerika Syarikat (AS), satelite yang digelar sebagai Satelite Misi Mengukur Hujan Tropika (TRMM) itu kini dikira sedang berada dalam jarak kira-kira 100 kilometer dari Bumi.

"Kebanyakan satelite apabila memasuki atmosfera Bumi terbakar dan ia tidak boleh dikanal."

"Pusat Operasi Angkasa Lepas akan mengeluarkan ramalan berkala berhubung tarikh kemasukan satelite TRMM ke Bumi namun lokasi ia bakal jatuh tidak dapat diramalkan.

"TRMM bagaimanapun



Rakyat Malaysia tidak perlu panik dengan kejatuhan komponen kecil TRMM ekoran kemungkinan titanium itu jatuh di negara ini cuma dua peratus

NOORDIN AHMAD

hanya akan jatuh ke kawasan tropika antara 35 darjah Utara dan 35 darjah latitud Selatan," jelas laman web tersebut semalam.

Laman web tersebut tidak menjelaskan cara perkiraan pergerakan satelite tersebut sebelum ia jatuh ke Bumi.

TRMM seberat hampir tiga tan yang dibina oleh NASA dan Agensi Penerokaan Angkasa Lepas Jepun (JAXA) dilancarkan dari Tanegashima, Jepun pada 27 November 1997 sebelum ia ditutup pada 15 April lalu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad (gambar kecil) berkata, TRMM yang dianggarkan bersaiz sebuah bas akan terbakar pada kebanyakannya bahagian satelite sebaik ia memasuki atmosfera Bumi.

Bagaimanapun, menu-


rut beliau, hanya sebahagian komponen kecil satelite yang diperbuat daripada titanium tidak akan terbakar dan akan jatuh ke Bumi.

"Namun waktu dan lokasi komponen kecil TRMM jatuh tidak boleh diketahui dengan lebih awal," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Justeru, jelas Noordin, rakyat Malaysia tidak perlu panik dengan kejatuhan komponen kecil TRMM ekoran kemungkinan titanium itu jatuh di negara ini cuma dua peratus.

"Berdasarkan rekod tidak pernah komponen satelite terjatuh dan menimpa manusia atau jatuh di kawasan berpenduduk.

"Rekod terdahulu satelite yang jatuh dekat dengan Malaysia adalah di utara Lautan Hindi, Australia. Biasanya komponen itu akan jatuh di laut," kata beliau.



BENTUK Satelite TRMM yang dilancarkan di Tanegashima, Jepun pada 27 November 1997.

INFO Satelite TRMM

- Dibina oleh NASA dan JAXA
- Dilancarkan pada 27 November 1997 dari Tanegashima, Jepun
- Seberat hampir tiga tan dan bersaiz sebuah bas
- Menjalankan misi untuk mengukur jumlah hujan di Bumi
- Data TRMM turut menjadi standard dalam mengukur struktur taufan tropika, hubungan kilat dan ribut, iklim dan pemodelan cuaca serta kesan manusia ke atas hujan
- Data TRMM juga membantu dalam operasi banjir dan pemantauan kemarau serta ramalan cuaca
- TRMM ditamatkan perkhidmatan pada 15 April 2015 dan dijangka jatuh ke Bumi hari ini

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 JUN 2015 (RABU)**



Malaysia Dapat Tumpuan Di ACHEMA 2015 Frankfurt

Oleh Manik Mehta

FRANKFURT, 16 Jun (Bernama) -- Malaysia menjadi tumpuan di Kongres Pameran Dunia mengenai Kejuruteraan Kimia, Perlindungan Alam Sekitar dan Bioteknologi 2015 (ACHEMA 2015) yang berlangsung selama lima hari, bermula di sini, semalam.

Empat syarikat Malaysia, iaitu Easy Pack Export Asia Sdn Bhd, Eratech Manufacturing Sdn Bhd, Petronas dan PLT Scientific Sdn Bhd mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di pameran itu.

Sorotan utama penyertaan Malaysia ialah permeteraian memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama pada hari pembukaan antara Society for Chemical Engineering and Biotechnology (DECHEMA) dan German-Malaysian Society (DtMG).

DECHEMA ialah persatuan industri pengangur manakala DtMG ialah persatuan berpangkalan di Bonn yang menggalakkan pemahaman komunikasi dan budaya antara Malaysia, ASEAN, Jerman dan Kesatuan Eropah dalam antara lainnya perniagaan, politik dan pendidikan.

Dato' Achim Georg Deja, pengurus DtMG, memeterai bersama MoU itu dengan DECHEMA.

Adina Kamarudin, Konsul Jeneral Malaysia di Frankfurt, mengetengahkan beberapa ciri-ciri penting industri Malaysia dan peluang pelaburan di majlis permeteraian itu.

Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) yang berpangkalan di Frankfurt, S. Sivasuriyamoorthy berkata agensi itu mengekalkan hubungan rapat dengan DECHEMA.

"Mida dan DECHEMA akan bekerjasama bagi menganjurkan Webinar pada 16 Jun di Kuala Lumpur. Ia akan dibuka kepada kira-kira 5,000 ahli DECHEMA dan Mida akan menggunakan acara itu untuk mengetengahkan peluang pelaburan di Malaysia bagi syarikat Jerman, termasuk dalam bidang sains hayat dan bioteknologi," katanya.

Ini akan menjadi siri webinars pertama diadakan dengan yang seterusnya dijadualkan bagi September dan menumpukan pada aspek undang-undang dan antara budaya menukuhan syarikat di Malaysia.

Sementara itu, Adina berkata Malaysia telah awal lagi mengiktiraf kepentingan bioekonomi dan mengambil langkah menyelaras dan meningkatkan usaha nasional.

"Malahan, kita adalah negara pertama di Asia Tenggara akan melancarkan Inisiatif Bioekonomi menerusi pelaksanaan Program Transformasi Bioekonomi (BTP)," katanya.

Beliau berkata Malaysia memiliki potensi pertumbuhan pelaburan amat besar susulan sokongan padu kerajaan dan program bioekonomi khusus, ekosistem kondusif dan pembangunan kluster di samping akses mudah kepada kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta tenaga kerja berpendidikan.

Adina berkata pada Februari semasa pelancaran awal ACHEMA di Kuala Lumpur, [**Malaysian Biotechnology Corp \(BioTechCorp\)**](#) memeterai MoU dengan DECHEMA.

"MoU itu adalah bagi pembangunan dan inovasi teknologi dalam sektor kimia secara kerjasama dengan DECHEMA. Ini sejajar dengan usaha berterusan BioTechCorp untuk menjalin kerjasama antarabangsa lebih kukuh dalam sektor bioekonomi," katanya.

ACHEMA 2015 menarik 4,000 pembekal dan institusi penyelidikan daripada 60 negara yang mengkhususkan dalam kejuruteraan kimia, perlindungan alam sekitar, cecair biofarmaseutikal dan teknologi material, automasi proses dan teknik pembungkusan.

-- BERNAMA